

29 SEP 2000

Mahathir-Islam/I

BINCANG ISLAM SECARA TERBUKA UNTUK PERSEPSI LEBIH BAIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata umat Islam mestilah sanggup membincangkan secara terbuka semua perkara mengenai Islam agar mereka mendapat persepsi lebih baik mengenai agama khususnya tentang isu yang mereka kurang berpengetahuan.

Perdana Menteri berkata terdapat umat Islam yang dipengaruhi oleh golongan yang mendakwa sebagai pemimpin Islam semata-mata kerana mereka boleh mentafsir Al-Quran.

"Umat Islam yang dipengerusi oleh golongan yang kononnya pemimpin ini akan melakukan apa saja yang disuruh oleh pemimpin itu dan ini akan memecahkan perpaduan ummah," katanya ketika merasmikan Wacana Pemikir Belia Islam Kebangsaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di sini.

Dr Mahathir berkata oleh kerana terdapat pelbagai tafsiran Al-Quran, banyak umat Islam menjadi keliru.

Beliau menyeru mereka supaya berfikir secara bijak dan tidak dipengaruhi oleh salah tafsiran Al-Quran kerana ini boleh membawa imej buruk kepada mereka dan agama.

Dr Mahathir berkata banyak umat Islam dikabui oleh golongan yang kononnya pemimpin yang memaksa mereka menerima tafsiran termasuk bertindak melampau membunuh sesama Islam yang mereka anggap "kafir".

Katanya umat Islam yang taksud dengan pemimpin-pemimpin sebegini, tidak nampak dan menentang musuh Islam sebenar sebaliknya menyerang umat Islam yang mereka sifatkan sebagai bukan Islam.

"Ada umat Islam yang tidak mahu membincangkan tentang agama tetapi sekadar menjadi pengikutnya. Ada yang berpendapat bahawa apabila membincangkan mengenai Islam, minda tidak ada peranan, padahal Allah telah menganugerahkan umatnya dengan akal dan sudah tentu Tuhan tidak mahu akal itu tidak digunakan walaupun apabila soal agama dibincangkan," katanya.

Perdana Menteri berkata bahawa bagi mereka yang tidak menggunakan akal untuk membezakan antara yang baik dan yang buruk, mereka akan menjadi seperti robot dan melakukan perkara-perkara tidak bermakna kecuali apa yang mereka disuruh buat.

Umat Islam yang tidak faham Al-Quran mempunyai penafsir yang telah mendalami agama dan hadis, katanya.

"Tetapi sebagai manusia, mereka tidak dapat bersetuju tentang satu-satu perkara. Kita tidak tahu sama ada tafsiran itu betul atau salah. Hakikatnya ialah apabila kita amalkan Islam, kita amalkannya mengikut tafsiran seseorang yang berilmu atau ulama yang terdiri daripada manusia yang tidak menerima ajaran terus daripada Allah," katanya.

Oleh kerana umat Islam tidak ada pilihan melainkan menerima tafsiran seperti yang dibuat dan oleh kerana tafsiran ini dibuat oleh manusia biasa, terdapat kemungkinan sesetengah daripada tafsiran ini tersilap, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir mengingatkan umat Islam bahawa mereka akan melangkah ke belakang ke zaman sebelum Islam jika mereka terlalu fanatik terhadap pemimpin-pemimpin yang hanya ingin memecah belahkan ummah.

"Malahan jika seorang pemimpin itu berkata Tuhan mencarut, perlukah umat Islam mengikutnya semata-mata kerana dia seorang pemimpin," katanya.

Beliau berkata umat Islam harus ingat bahawa perkara pertama yang Rasulullah memberitahu puak jahiliah ialah mereka tidak boleh menjadi terlalu fanatik dan terlalu taksud kepada puak atau pemimpin mereka.

-- BERNAMA

ARA AHH MAI